SULIT

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

# PEPERIKSAAN AKHIR
# SEMESTER I
# SESI 2014/2015

| | | |
|---|---|---|
| NAMA KURSUS | : | TEKNOLOGI TANAMAN SAYURAN DAN HIASAN |
| KOD KURSUS | : | BBR 20403 |
| KOD PROGRAM | : | BBR |
| TARIKH PEPERIKSAAN | : | DISEMBER 2014/JANUARI 2015 |
| JANGKA MASA | : | 3 JAM |
| ARAHAN | : | JAWAB SEMUA SOALAN |

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **EMPAT (4)** MUKA SURAT

SULIT

SULIT

UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

# UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

## PEPERIKSAAN AKHIR
## SEMESTER I
## SESI 2014/2015

| | | |
|---|---|---|
| NAMA KURSUS | : | TEKNOLOGI TANAMAN SAYURAN DAN HIASAN |
| KOD KURSUS | : | BBR 20403 |
| KOD PROGRAM | : | BBR |
| TARIKH PEPERIKSAAN | : | DISEMBER 2014/JANUARI 2015 |
| JANGKA MASA | : | 3 JAM |
| ARAHAN | : | JAWAB SEMUA SOALAN |

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **EMPAT (4)** MUKA SURAT

SULIT

**S1** (a) Berikan definisi bagi istilah-istilah berikut:
(i) Olerikultur
(ii) Landskap
(iii) Fertigasi
(iv) Pemilihan tapak

(4 markah)

(b) Jenis sayur-sayuran boleh dikategorikan kepada empat (4) bahagian. Senaraikan empat (4) jenis sayuran tersebut dan berikan dua (2) contoh yang sesuai.

(8 markah)

(c) Bincangkan potensi tanaman sayuran dan hiasan pada masa akan datang? Jelaskan pendapat anda berserta contoh yang sesuai.

(8 markah)

**S2** (a) Terdapat beberapa pertimbangan yang diambilkira dalam penyediaan tapak untuk tanaman sayur-sayuran. Huraikan lima (5) proses yang terlibat dalam penyediaan tapak.

(5 markah)

(b) Huraikan kerja-kerja penjagaan tanaman sayur-sayuran sehingga ia sesuai dituai.

(7 markah)

(c) Jelaskan empat (4) kepentingan teknologi fertigasi dalam penanaman sayur-sayuran?

(8 markah)

**S3** (a) Merancang dan melaksanakan landskap di kawasan rumah perlu mengambilkira kerja-kerja pengurusan dan penyelenggaraan. Bincangkan apakah kerja-kerja pengurusan dan penyelenggaraan landskap tersebut.

(4 markah)

(b) Kebanyakan tanah berbeza mengikut kawasan. Huraikan bahan penting dalam campuran tanah untuk tujuan penanaman pokok renek di kawasan berpasir.

(6 markah)

(c) Sungkupan bermaksud menutup permukaan batas.

(i) Apakah tujuan sungkupan?

(ii) Berikan contoh bahan-bahan yang boleh digunakan sebagai sungkupan.

(4 markah)

(d) Huraikan cara-cara menanam pokok di dalam pasu berbantukan lakaran yang sesuai.

(6 markah)

**S4** (a) Penyiraman pokok sangat penting bagi memastikan tumbuhan hiasan segar dan tidak kekeringan. Senaraikan ciri-ciri pokok hiasan yang memerlukan air.

(3 markah)

(b) Pokok hiasan lebih mudah ditanam di dalam pasu berbanding di tanah.

(i) Huraikan kebaikan tanaman di dalam pasu.

(5 markah)

(ii) Bincangkan mengapa penukaran pasu perlu dibuat?

(5 markah)

(c) Tanaman hiasan adalah satu unsur yang dinamik di mana bentuk dan ukurannya berubah dan kadangkala warnanya bertukar. Apabila perubahan ini berlaku, kerja-kerja pemangkasan perlu dibuat.

(i) Terangkan tujuan pemangkasan.

(2 markah)

(ii) Bagaimana pemangkasan pembentukan dijalankan?

(5 markah)

**S5** (a) Landskap kediaman yang dipenuhi dengan tanaman hiasan memberi persepsi dan keselesaan kepada penghuninya. Jelaskan panduan untuk memilih pokok hiasan dalam pelandskapan kawasan rumah?

(4 markah)

(b) Huraikan dengan ringkas tiga (3) perkara penting dalam menganalisis kawasan rumah sebelum merancang rekabentuk landskap yang sesuai.

(6 markah)

(c) **RAJAH S3 (c)** di bawah menunjukkan kawasan aktiviti iaitu di kawasan rehat luar rumah. Lakarkan semula pelan bagi cadangan rekabentuk landskap yang mengandungi tanaman pagaran, pokok jenis renek dan berbunga, tanaman sayur, kerusi dan meja laman serta patio.

(10 markah)

**RAJAH S3 (c)**




**- SOALAN TAMAT -**